

# Muhammad Rasulullah *ṣallā Allahu ‘alāihī wa sallam*

Bulan Rabiulawal menjelang kembali, memasuki tahun baharu, kepada seorang Muslim, ia membawa perasaan segar dan nyaman, membelai rasa tauhid dan iman, menimbulkan mahabbah dan marhamah, antara kita sesama kita dalam ikatan satu bangsa, dan antara bangsa kita dengan bangsa-bangsa di dunia ini.

(Oleh: Johari Ahmad)

---

Di sana sini di tanah air kita ini, tidaklah sunyi orang mengadakan sambutan-sambutan Maulud itu sama ada kecil atau besar, mengikut kemampuan masing-masing. Ada di antara kita yang sampai mengadakan pakatan, menghimpun tenaga dan menggunakan tenaga itu secara besar-besaran untuk perayaan secara besar-besaran pula. Orang tidak keberatan mengeluarkan wang. Dan tidak pula keberatan mengeluarkan tenaga.

Hal ini ternyata benar bila kita meninjau ke desa-desa dan dusun-dusun antara lembah dan negeri, antara kampung-kampung yang berbalam-balam pada malam hari, oleh tebalnya pokok-pokok kayu, terdapatlah tompokan-tompokan Muslim dengan adat masing-masing pula merayakan hari Maulud ini, dan terasalah keindahan bila dengan sejak kita memerhati syiar-syiar, seperti bendera yang dipasang orang berwarna warni di pekan-pekan, di tembok-tembok bangunan, di masjid-masjid, dan di menara-menara masjid itu sendiri.

Di mana-mana pun orang mengadakan majlis perayaan Maulud ini, tidaklah ketinggalan pula orang mengulang kaji semula sejarah Rasulullah (SAW) sejak ia diperanakan, semasa kecilnya, masa mudanya, masa dewasa, dan sangat-sangat beliau menjalankan kewajipan

tugas suci menyebarkan agama Islam. Tidaklah sedikit jumlah “*muballighīn*” dan “*muballighā*” yang memberi tablighnya. Pujangga-pujangga bermadah sukma, menyusun rangkai kata, indah bunyinya meresap ke dalam hati, seniman-seniman menyusun lagu-lagu, indah susunannya dan sedap iramanya.

Kita sendiri tentulah suka pergi ke desa-desa itu, walaupun di antara kita tidaklah bertujuan memberi penerangan. Tetapi tentu untuk mengikuti kegembiraan hati melihat betapa meriah majlis-majlis itu di desa-desa, dan betapa dalam kesannya adab Islam di dalam kalbu rakyat desa itu, dan betapa besar cinta mereka kepada Rasulullah *ṣallā Allahu ‘alayhi wa sallam*.

Sungguh dalam roh kebudayaan Islam itu dalam kalbu penduduk desa-desa itu, yang ternyata lebih suci dan belum ternoda sedikit pun seperti roh Islam di kota-kota yang hampir-hampir hapus sama sekali oleh “kebudayaan Barat”.

Tetapi, maaflah jika kita, barangkali terpaksa menyatakan bahawa kesan-kesan Islam, perasaan cintakan Rasul yang masih tinggal melekat di dalam jiwa bangsa kita itu tidaklah akan membawa suatu hasil pun ke dalam usaha pembangunan dan kemajuan Islam

hingga menjadi agama yang berdaulat di tanah air kita ini, jika sekiranya perasaan itu hanya tinggal perasaan semata-mata, tidak disertai dengan roh kesedaran, dengan rasa ingin “melaksanakan” ajaran Maulud itu.

Lama kita mengenal Rasulullah, rakyat kita pun mengenal Rasulullah itu, tetapi pengenalan kita – agaknya – belumlah melupakan pengenalan yang kuat dan kukuh yang menimbulkan usaha-usaha pekerjaan. Orang pun boleh memperkatakan Rasul utama itu sebagai seorang pejuang menegakkan Islam, tetapi kadang-kadang orang itu tidaklah berjuang di dalam Islam, orang pun boleh memperkatakan bahawa Nabi Muhammad itu membawa ajaran-ajaran baik, pedoman menuju bahagia di dunia dan di akhirat bila ia dilaksanakan di dalam kehidupan perseorangan dan masyarakat, tetapi yang anehnya orang inilah yang “menentang” supaya Islam jangan berdaulat di dalam masyarakat, seterusnya – orang pun boleh mengatakan bahawa al-Quran, yang dibawa oleh Nabi Muhammad adalah sebuah kitab undang-undang hidup dan mati, tetapi yang ajaib, mereka inilah nanti julung-julung menyatakan bahawa al-Quran tidaklah sesuai dengan “zaman kesedaran” dan pembangunan kita sekarang.

Dapatlah kita katakan dengan terpaksa, bahawa kitab belumlah lagi memiliki jiwa “Rabiulawal” dalam artikata keseluruhannya. Kita menyebut Paduka Junjungan di mulut semata, tetapi belum tentu kita bawakan ke dasar hati.

Boleh jadi, kita mengatakan ini adalah satu keterlaluhan pula, tetapi bukannya kenyataan sekarang, ajaran Islam itu adalah lemah di tanah air kita sendiri? Bukankah kenyataan bahawa urusan-urusan Islam pun adalah lemah selemahnya? Tidaklah kita hendak mengaitkan dengan soal-soal politik, tetapi dengan nyata pula dapat kita saksikan bahawa di antara usaha-usaha dan

gerakan politik di tanah air kita ini, maka usaha dan politik Islamlah, atau lebih tegasnya gerakan-gerakan Islamlah, selalu dicemuh orang, diejek dicela, dan kadang-kadang dinista orang....

Tidaklah kita hairan dan berasa sedih sedikit pun jika melihat Islam itu di dalam keseluruhannya ditentang orang, tidak para pejuang Islam harus sedih pun tidak merasai goncangan di dalam jiwanya bahawa Islam itu ditentang, memang Islam itu datang ke dunia ini menghadapi pertentangan dengan kebatilan, dan pendukung-pendukungnya, tetapi yang amat kita hairankan, kita sedih, dan kadang-kadang amat kita sesali ialah melihat bahawa orang-orang yang menentang Islam itu ialah orang-orang Islam sendiri nyata bahawa orang yang selalu menentang ajaran Muhammad itu ialah manusia yang di dalam pengakuannya mengaku bahawa Muhammad Rasul dan ikutannya, tetapi dalam pelaksanaannya Muhammad dan ajarannya itu ialah “tentangannya”.

Inilah agaknya hal-hal di antara banyak soal yang menjadi tugas kewajipan mubaligh Islam mengikisnya dari masyarakat kita sekarang. Ini, terutama sekali, bulan Maulud ini di mana para *muballighīn* itu pergi merata-rata ke kampung-kampung, melakukan tugasnya membicarakan sejarah Rasul, yang barangkali pula dengan rela, dan sukarela.

Para *muballighīn* dan *muballighāt* haruslah menyedari bahawa adalah menjadi tugas mereka meniupkan roh “Rabiulawal” itu ke dalam jiwa umat Muslimin kita sekarang, meniupkan jiwa baharu, semangat baharu, perasaan baharu, getaran hati yang baharu, menggantikan roh dan perasaan yang lama, dengan menambah kesedaran, kewaspadaan, kecergasan dalam berfikir dan bertindak.

Kewajipan penyiar-penyiar Islam dalam masa menyambut keputeraan Paduka ini, tidaklah saja harus

# MUHAMMAD (SAW)

Sambungan dari muka 11

menggambarkan betapa peri kehidupan Rasulullah itu. Wataknya, rohnya, ajarannya tetapi pula harus “memasukkan” peri kehidupan Rasulullah itu, menanamkan rohnya, ajarannya sedalam-dalamnya ke dalam jiwa Muslimin sekarang.

“Memperingati Rabiulawal bukanlah bererti hanya mempercakapkan kisah-kisah Rabiulawal itu, tetapi sebaliknya cuba merenungkan sejauh mana sudah kesan-kesan Rabiulawal itu berada di dalam jiwa kita, kesan-kesan yang menimbulkan usaha tindakan, pekerjaan dan perbuatan.

Lebih jauh daripada pengertian memperingati Rabiulawal ini. Ialah membuat penyelidikan kepada diri kita sendiri sejauh mana sudah kita berusaha mengikut jejak langkah rasul utama sebagai umat pilihan yang harus bekerja menyebarkan agamanya di bumi ini.

Kewajipan ini adalah terserah kepada mubaligh-mubaligh Islam di tanah air kita ini, dan sejauh mana penyiar-penyiar agama Islam ini dapat dan cuba mengadakan pembaharuan dalam cara berfikir umat Islam di tanah air kita ini, terutama tentang erti menyambut “Maulud” itu serta sejauh mana pula usaha-usaha pembaharuan itu berkesan ke dalam jiwa kaum Muslimin yang mereka adakan itu, maka sejauh itulah nanti hasil-hasil yang dapat dilihat daripada perkembangan dan kedaulatan Islam itu dan sejauh itulah nanti Rabiulawal itu membuktikan dengan sebenarnya bahawa ia adalah bulan rahmat bagi sekalian alam.



Agama Islam telah diisytiharkan menjadi agama rasmi negara Tanah Melayu yang akan mencapai kemerdekaan pada bulan Ogos 1957. Oleh itu jangan berlengah lagi daripada memasuki barisan persahabatan Ikhwan yang akan berusaha dengan sedaya upaya mempertahankan Islam dan menyebarkan kebudayaannya.

## MENGELILINGI TANAH MELAYU

Ramli al-Jauhari dari Sekolah Agama Senggarang Batu Pahat dan Zaiton bin Jawahir dari Parit Samsu Muar (kedua-duanya anggota Ikhwan) telah mengelilingi Tanah Melayu dengan basikal kerana memperhubungkan silaturrahim dengan sahabat handai yang berselerak di seluruh Semenanjung.

Di Singapura, mereka telah bermalam di rumah Persetiaan Kemajuan Islam dan pada siangnyanya telah diraikan oleh UMNO cawangan Lorong Engku Aman Geylang – pada 12 September yang lalu.